

18 FEB 2001

Pertemuan-Mustapa

SEGERAKAN PERTEMUAN PERPADUAN MELAYU, KATA MUSTAPA

KOTA BAHARU, 18 Feb (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed berkata pertemuan antara Umno dan Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu tidak harus ditangguhkan terlalu lama kerana terdapat banyak masalah yang perlu diselesaikan selain mungkin akan timbul banyak lagi masalah baru.

Beliau berkata pertemuan antara dua parti orang Melayu terbesar itu perlu disegerakan kerana pelbagai pihak bukan sahaja orang Umno malah ramai orang Pas, orang "atas pagar", pertubuhan bukan kerajaan dan cendekiawan sedang menunggu penuh harapan.

"Pada satu sudut kita (Umno) rasa dukacita kerana tidak dapat adakan pertemuan itu esok tetapi kita menyambut baik kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor bahawa ianya cuma ditangguh, kita harap tangguh itu bermaksud sementara waktu dan akan dilaksanakan segera," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Fadzil hari ini bahawa PAS memutuskan untuk menangguhkan sementara pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan nasional yang dijadualkan berlansung di Kuala Lumpur esok.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata orang Melayu akan terus berada dalam ketegangan dan bermasalah jika penangguhan pertemuan itu terus berlarutan.

Beliau berkata Umno sangat-sangat mengharapkan supaya pertemuan itu disegerakan sehingga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil sikap terbuka dan banyak bertolak ansur bagi memastikan pertemuan itu dapat dilaksanakan secepat mungkin.

"Kita harap Pas juga mempunyai sikap yang sama...sikap terbuka demi kepentingan agama, bangsa dan negara...kalau banyak sangat syarat susahlah," katanya.

Beliau berharap Pas berpegang kepada kenyataan Fadzil bahawa penangguhan itu hanya sementara iaitu bermaksud akan dilaksanakan dalam tempoh secepat mungkin.

Sehubungan itu, Mustapa meminta Jawatankuasa Teknikal kedua-kedua parti terus mengadakan perbincangan supaya pertemuan bersejarah bagi orang Melayu itu dapat segera berlansung.

-- BERNAMA

BD RAR FAZ